

Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, Vol. 43 (2) (December 2016): 51-73
@ School of History, Politics & Strategy, UKM; ISSN 2180-0251 (electronic), 0126-5644 (paper)

MUHAMAD NADZRI Mohamed Noor
MOHD FAIZAL Daud
Universiti Kebangsaan Malaysia

PILIHAN RAYA DALAM POLITIK KELANTAN 1990 - 2013: ANTARA PARTI, PEMIMPIN DAN ISU

ELECTIONS IN KELANTAN 1990-2013: CANDIDATES, PARTIES AND ISSUES

Politik dan pilihan raya Kelantan sering kali dianggap umum sebagai sebuah fenomena politik yang unik. Malah terdapat beberapa usaha untuk memahami keunikan itu, tetapi akhir mereka memerihalkan bahawa politik Kelantan sememangnya unik. Pemahaman umum bahawa politik negeri itu adalah unik adalah kerana di saat negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia secara konsisten, sebelum Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 mengundi Barisan Nasional (BN), pengundi di Kelantan berterusan mengundi Parti Islam Se-Malaysia (PAS) sebagai kerajaan negeri khususnya sejak PRU 1990. Makalah ini dinukilkan dengan tujuan yang sederhana, dalam mengkaji dan membongkar keunikan politik pilihan raya di Kelantan. Berdasarkan analisis data-data dari SPR dan beberapa temubual, kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan kawasan parlimen Kelantan telah dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu kawasan kubu kuat PAS, kawasan BN dan kawasan pengundian berubah-ubah. Selepas itu pengkaji mengidentikasi corak pengundian pengundi di kawasan-kawasan itu berdasarkan teori pengundian (perilaku pengundi) yang terpilih. Bagi melihat kekuatan perilaku pengundi itu, maka perbandingan (dan ujian) dibuat di antara kawasan-kawasan mengundi di dalam kategori itu dan juga keputusan-keputusan yang direkodkan dalam pilhanraya-pilihanraya yang lepas. Namun, atas kekangan masa dan sumber, data perbandingan yang dapat digunapakai, dan fokus kajian hanyalah tertumpu dari PRU 1990 ke PRU 2013.

Kata kunci: *Pilihan Raya, Politik Kelantan, Perilaku Pengundi, Parti Islam SeMalaysia, Barisan Nasional*

Politics and elections in Kelantan are often regarded as unique. There are several attempts made by scholars to analyse the political uniqueness of that state, but in the end up by concluding that Kelantan politics is unique. The popular beliefs of the uniqueness of politics in

Kelantan are largely due to the fact that the Kelantanese continually supporting Islamic Party of Malaysia (PAS), particularly since 1990s, while all of the other states in Peninsular Malaysia before the 2008 General Elections were supporting Barisan Nasional (BN). Thus this article is written, with a modest purpose, to study and unravel the uniqueness of elections and politics in Kelantan. Based on the data collected from the Malaysian Election Commission and several interviews, the electoral districts in Kelantan are divided into three categories that are; the PAS strongholds, BN constituencies and mixed constituencies. In each category, the general voting behaviours of the voters are identified and compared with several theories of votings. But due to our limitation of resource, time and space, the data compared could only be made from the 1990 General Election to 2013 General Election.

Keywords: *Elections, Politics in Kelantan, Voting Behavior, Parti Islam SeMalaysia, Barisan Nasional*

Pengenalan

Kelantan merupakan sebuah negeri di Malaysia terletak di timur laut Semenanjung Malaysia, berhadapan dengan Laut China Selatan dan bersempadan dengan Thailand. Negeri ini berkeluasan 14,922 kilometer persegi. Mengikut bancian yang dibuat pada tahun 2010 bilangan penduduk Kelantan adalah sebanyak 1,539,601 orang. Jumlah ini dibahagikan kepada sepuluh jajahan yang terdapat di negeri Kelantan iaitu jajahan Bachok, Kota Bharu, Machang, Pasir Mas, Pasir Puteh, Kuala Krai, Jeli, Tanah Merah dan Gua Musang.

Kegiatan ekonomi penduduk Kelantan adalah berdasarkan etnik. Kebanyakan orang Melayu terlibat dalam sektor tradisional sebagai petani, pekebun kecil, nelayan dan peniaga kecil-kecilan. Manakala orang Cina pula terlibat dalam bidang perniagaan di bandar-bandar dan pekan. Sementara itu kaum India terlibat dalam kegiatan di estet-estet seperti getah dan kelapa sawit yang majoritinya terdapat di wilayah selatan. Selain itu, kegiatan ekonomi Kelantan juga berlaku di sempadan wilayah Thailand iaitu Rantau Panjang, Pengkalan Kubur dan Bukit Bunga.

Ramai anggota masyarakat Kelantan masih berpegang kepada cara hidup tradisi - mereka yang berketurunan raja sememangnya dipandang tinggi dan mulia oleh masyarakat negeri berkenaan. Agama Islam memainkan peranan utama di dalam politik negeri itu.¹

Dari aspek politik negeri itu sering dianggap unik jika dibandingkan dengan negeri lain di Semenanjung Malaysia. Ini kerana Kelantan telah beberapa kali mengalami pertukaran pemerintahannya antara Parti Islam SeMalaysia

(PAS) dengan Barisan Nasional (BN). Dari Pilihan Raya Umum (PRU) 1990 ke PRU 2013 pula, ramai pengundi di Kelantan berterusan mengundi PAS. Menyusuri politik Kelantan sejak awal zaman kemerdekaan, sememangnya ia sering menjadi kajian para pemerhati politik dan ahli akademik. Menurut Amer Saifude dalam bukunya yang bertajuk “*Geografi Politik dan Pilihan Raya Kelantan*”, rakyat Kelantan mempunyai tahap keberanian politik yang tinggi apabila menolak kerajaan Perikatan yang menguasai kerajaan Persekutuan selepas pilihan raya 1955.² Penolakan ini berterusan sehingga pilihan raya 1978 dan penolakan seterusnya rakyat Kelantan terhadap UMNO/BN ialah pada pilihan raya 1990 sehingga sekarang, rakyat Kelantan terus mengekalkan PAS sebagai parti pemerintah peringkat negeri. Kesemua perkara ini menggambarkan ‘keunikan’ dan keistimewaan rakyat Kelantan yang menarik untuk dibincangkan.

PAS telah memerintah Kelantan selama 26 tahun iaitu dari PRU 1990 dan pernah memerintah selama 19 tahun sebelum ini bermula pada tahun 1959 hingga 1978. Jika dicampur dalam dua zaman pemerintahan PAS di Kelantan maka ianya berjumlah 45 tahun. Percaturan politik negeri Kelantan dilihat seringkali berubah mengikut arus dan kehendak rakyat Kelantan. Rakyat negeri Kelantan telah beberapa kali menukar pemerintahan kerajaan Negeri iaitu antara dua parti yang seringkali mendominasi politik rakyat Kelantan iaitu PAS dan Barisan Nasional (BN). Pada tahun 1955 hingga 1959 (kerajaan Perikatan), tahun 1959 hingga 1974 (kerajaan PAS), tahun 1974 hingga 1976 (kerajaan campuran PAS dan BN), tahun 1976 hingga 1978 (kerajaan PAS), tahun 1978 hingga 1990 (kerajaan BN), tahun 1990 hingga 1995 (kerajaan APU dan PAS) dan tahun 1995 sehingga sekarang (kerajaan PAS).

Dalam merungkaikan ‘keunikan’ pilihan raya dalam politik Kelantan, penulis melihat perlu ada pendekatan yang lebih sesuai dalam memahami situasi ini. Kajian pilihan raya di Kelantan setakat ini, sering kali ditinjau secara umum, sebagai satu negeri secara total, seolah-olah kesemua kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen mengundi parti PAS dalam jangkamasa PRU 1990 ke PRU 2013. Sedangkan situasi sebenar adalah berbeza. Terdapat beberapa DUN dan kawasan parlimen yang turut dimenangi oleh UMNO. Malah pada PRU 2004, PAS hampir tewas kepada UMNO di peringkat negeri. Terdapat juga sebahagian pengkaji yang menganalisis sesebuah atau beberapa kawasan pilihan raya. Namun tanpa dibandingkan dengan kawasan-kawasan yang lain secara serentak, dan juga dapatan keputusan-keputusan kawasan pilihan raya itu pada masa lalu, maka sukar untuk kajian itu keluar daripada paradigma ‘unik’ dalam pilihan raya Kelantan.

Justeru itu, makalah ini mencadangkan satu kaedah yang berbeza bagi mendekati dan memahami situasi pilihan raya dan corak perilaku pengundi di Kelantan. Penulis mencadangkan penggunaan kaedah pembahagian dan perbandingan corak pengundian berdasarkan keputusan-keputusan pilihan raya dengan lebih menyeluruh dari PRU 1990 ke PRU 2013 di Kelantan.

Namun atas kekangan sumber, ruang dan masa, kajian ini mempunyai tujuan yang sederhana dalam merungkai permasalahan kajian ini. Oleh itu data yang dibentangkan tidaklah sepenuhnya menyeluruh dan mendalam, kerana itu akan dibuat dalam karya penulis yang lain.

Peringkat pertama dalam pendekatan ini adalah pembahagian. Dalam peringkat ini keseluruhan kawasan DUN dan parlimen di Kelantan dalam jangkamasa itu dibahagi kepada tiga bahagian iaitu kawasan kubu kuat PAS, kawasan BN dan kawasan pengundian berubah-ubah. Setelah dibahagi, kami melakukan mengidentikasi kepada tren/corak pengundian pengundi di kawasan-kawasan itu berdasarkan teori pengundian yang bersesuaian. Bagi melihat kekuatan perilaku pengundi itu, maka perbandingan (dan ujian) dibuat di antara kawasan-kawasan mengundi itu dan juga keputusan-keputusan yang direkodkan dalam pilihanraya-pilihanraya yang lepas dengan melihat faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan itu.

Kerangka Teoritik

Dalam mengidentikasi corak perilaku pengundi di Kelantan, kami melihat empat teori/konsep pengundian yang reflektif dengan situasi kajian. Teori dan konsep itu adalah identifikasi parti, pilihan rasional, sosiologikal dan kepimpinan. Konsep identifikasi parti mula dibincangkan pada tahun 1950-an oleh A. Campbell.³ Sebelum teori identifikasi parti diperkenalkan ada pendapat yang mengatakan bahawa pilihan pengundi didorong oleh faktor keserasian antara keutamaan pengundi dengan dasar parti. Dalam konsep ini pengundi pasti memilih parti yang dianggap oleh mereka mempunyai matlamat dan dasar perjuangan yang sama atau memenuhi kehendak mereka. Pendekatan ini mengandaikan pengundi peka, mengetahui dan mengambil berat tentang soal-soal politik. Namun demikian, hasil kajian Campbell dan rakan-rakan mendapati ada keraguan berhubung dengan aspek keserasian dan menerangkan tentang perlakuan undi. Tinjauan mereka mendapati bahawa pengundi tidaklah begitu peka dan berpengetahuan tentang politik seperti yang digambarkan. Malah sebahagian besar mereka mengundi parti politik yang tidak menggambarkan kehendak dan pilihan mereka.⁴

Beberapa tokoh lain yang turut mengkaji tentang identifikasi parti ialah Goldberg (1969)⁵ serta Butler dan Stokes (1974) mendapati bahawa aspek kepentingan pengundi memainkan peranan dalam menentukan dan mengekalkan identifikasi parti.⁶ Apabila pengundi telah yakin sesebuah parti akan memenuhi keperluan mereka, maka ia akan mengundi parti itu tanpa mengambil kira isu yang dibangkitkan. Dengan kata lain, kesetiaan dan sokongan yang diberikan itu bukanlah diberikan secara membuta tuli tanpa sebarang pertimbangan. Kebolehan sesebuah parti untuk memenuhi keperluan mereka, dalam berbagai bentuk, sama ada jangka pendek atau jangka panjang, menjadi asas kepada sokongan yang diberikan itu.⁷ Namun perubahan dalam

identifikasi parti boleh berlaku. Seseorang individu boleh menamatkan kesetiaan terhadap sesuatu parti dan beralih kepada parti lain yang disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya ialah faktor peribadi, faktor lokal dan nasional seperti kemunculan isu yang mempunyai impak yang besar.⁸

Coleman dan Fararo (1992) telah mendefinisikan teori pilihan nasional itu sebagai suatu bentuk pilihan yang wujud dalam sesebuah masyarakat.⁹ Individu-individu dalam masyarakat akan membuat pilihan berdasarkan kepentingan masing-masing di dalam sesebuah struktur politik. Parti mana yang memberikan lebih faedah, kelebihan dan keuntungan maka parti itu berkecenderungan untuk dipilih. Kepentingan dan faedah itu pula tidak semestinya di dalam bentuk material, ia juga boleh hadir dalam bentuk non-material seperti berasaskan nilai (contoh mahukan kerajaan yang bersih, demokratik atau Islamik), kepercayaan (contoh agama) dan ideologi. Teori ini boleh diaplikasikan dalam melihat sejauh mana pengundi keluar dan membuat pilihan rasional semasa membuang undi. Sekiranya pengundi merasakan ia tidak mendapat apa-apa faedah dengan memilih mana-mana calon, maka mereka tidak akan keluar mengundi. Hal ini dilihat dari sudut perkembangan ekonomi, kos untuk keluar mengundi (seperti masa, wang ringgit, dan aktiviti lain) melebihi dari pulangan yang diperolehi dari mengundi. Selain itu manifesto sesebuah parti adalah faktor yang turut menyumbang kepada tindakan pilihan rasional lebih bersifat kepentingan.

Seorang lagi tokoh yang membicarakan tentang teori pilihan rasional adalah Anthony Down melalui artikelnya "*An Economic Theory of Democracy*" (1957).¹⁰ Melalui penulisannya, beliau telah menamakan pilihan politik dengan pilihan ekonomi. Beliau berhujah demikian kerana dalam pasaran ekonomi, seseorang pengguna akan membandingkan barang-barang pengeluaran dari segi harga dan kualiti dan seterusnya membuat pilihan untuk membeli berdasarkan nilai wang sesuatu barang. Dalam proses membuat pilihan dalam pilihan raya pengundi akan memberi undi kepada parti atau calon yang paling berkemungkinan memuaskan tuntutan mereka dengan berpandukan maklumat-maklumat dan pengetahuannya terhadap sesuatu pilihan itu.

Faktor sosiologikal juga boleh mempengaruhi perilaku pengundi. Rush dan Althoff (1971) telah memperkenalkan konsep sosialisasi politik melalui bukunya iaitu "*An Introduction to Political Sociology*"¹¹ Di dalam buku tersebut, mereka telah menerbitkan terminologi baru dalam menganalisis perilaku politik individu iaitu berdasarkan proses sosialisasi politik. Sosialisasi politik adalah proses mempengaruhi seseorang individu untuk mengenal sistem politik seterusnya menentukan persepsi serta reaksi terhadap gejala politik. Menurut Rush dan Althoff, sosialisasi berfungsi untuk melatih individu dan memelihara sistem politik. Konsep berasaskan sosiologi ini melihat bagaimana proses sosialisasi politik mempengaruhi individu-individu dalam masyarakat melalui interaksi mereka dengan anggota masyarakat yang di dalam keluarga, bersama rakan-rakan, media massa, parti, sekolah dan di

tempat kerja. Sekiranya ibu bapa merupakan penyokong kuat sesebuah parti maka terdapat kemungkinan besar anak juga akan menjadi penyokong setia parti tersebut. Hasil dari proses sosialisasi yang digerakkan oleh agen-agensya seperti ibu-bapa, saudara mara, jiran, rakan, sekolah dan organisasi politik maka tidak hairanlah jika bapanya dari parti pemerintah maka anaknya juga berkecenderungan untuk menyokong parti pemerintah dan begitu jugalah sebaliknya. Sebagai contoh, Anwar Ibrahim (PKR) dengan Nurul Izzah (PKR), Lim Kit Siang (DAP) dan Lim Guang Eng (DAP), Tun Mahathir (UMNO kemudian BERSATU) dan Mukhriz (UMNO dan juga kemudiannya BERSATU) – sekadar menyebut beberapa contoh. Namun walaupun seseorang itu memberikan kesetiaan yang berpanjangan kepada sesebuah parti namun terdapat faktor-faktor yang boleh menyebabkan mereka mengubah kesetiaan disebabkan oleh faktor ekonomi, pendidikan dan pendedahan yang berbeza tentang isu-isu politik.

Faktor kepimpinan juga adalah satu tarikan atau penolakan dalam mempengaruhi pengundi. Menurut Max Weber (1968) karisma seseorang pemimpin merujuk kepada individu yang dianggap memiliki keupayaan yang luar biasa yang mana Weber mengandaikan individu tersebut memiliki “mukjizat anugerah” bagi menerangkan kebolehan seseorang pemimpin berdasarkan personaliti tanpa sebarang dorongan kebendaan atau paksaan.¹² Selain dari itu, pemimpin yang berkarismatik memiliki kualiti individu tertentu yang membezakannya dengan orang lain kerana dikurniakan kuasa dan kualiti yang luar biasa. Robert J. House (1992) juga mengkaji berkenaan kepimpinan karismatik yang dianggapnya sebagai *gifted*.¹³ House membincangkan bahawa para pemimpin yang karismatik mempunyai tingkat-tingkat kuasa rujukan yang amat tinggi dan sesetengah kuasa itu didapati daripada keperluan para pemimpin berkenaan untuk mempengaruhi orang lain dan juga dari tingkat keyakinan diri, penguasaan yang amat tinggi dan kepercayaan teguh tentang kebenaran moral. Selain daripada itu, House juga menyatakan bahawa para pemimpin karismatik bijak menyampaikan pandangan atau matlamat yang ingin dicapai sehingga mampu meraih komitmen dan tenaga pengikut-pengikutnya.

Pembahagian, Identikasi Perilaku Pengundi dan Perbandingan

Selaras dengan proses persempadanan semula yang dilakukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya, jumlah kerusi DUN dan parlimen di Kelantan bertambah dari masa ke semasa. Untuk PRU 2013, terdapat 45 kerusi DUN dan 14 kerusi parlimen. Berdasarkan tren pengundian dari PRU 1990 ke PRU 2013, kerusi ini dibahagikan berdasarkan kategori kawasan kubu kuat PAS, kawasan cenderung kepada BN dan kawasan yang cenderung berubah-ubah.

Kawasan Kubu Kuat PAS

Berdasarkan pemerhatian terhadap keputusan PRU di Kelantan dari 1990 ke 2013, terdapat sekurang-kurangnya 14 kawasan DUN dan 4 kawasan parlimen yang merupakan kubu kuat PAS di Kelantan. DUN itu adalah Kota Lama, Pasir Pekan, Kijang, Chempaka, Panchor, Tanjong Mas, Bunut Payong, Meranti, Salor, Pasir Tumbuh, Demit, Tawang, Chetok, dan Perupok. Kesemua kerusi DUN dan parlimen ini secara konsisten dimenangi oleh PAS dalam setiap pilihan raya dalam tempoh ini. Kawasan parlimen Rantau Panjang, Pangkalan Chepa, Kubang Kerian dan Tumpat pula adalah kubu kuat PAS di kawasan parlimen dalam tempoh yang sama.

Majoriti pengundi di kawasan-kawasan ini nampaknya telah mengidentifikasi diri mereka dengan parti PAS. Kawasan-kawasan ini merupakan kawasan penting yang mempertahankan kerajaan PAS di Kelantan sejak 1990. Selaras dengan ideologi PAS iaitu sebuah parti yang berteraskan agama Islam, hal ehwal berkaitan dengan agama adalah sangat penting khususnya di kawasan-kawasan ini. Justeru tidak hairanlah pertembungan PAS dan UMNO/BN di kawasan-kawasan ini sering berlaku di antara 'orang agama'. Kekuatan tahap identifikasi parti majoriti pengundi di kawasan ini boleh diuji dengan beberapa angkuabah berdasarkan keputusan pilihanraya dalam tempoh itu, iaitu calon wanita, calon muda, calon luar, calon berbeza etnik dan calon berlatar belakang agama.

Pada PRU 2008 di Parlimen Rantau Panjang, PAS meletakkan calon wanita iaitu Ustazah Zailah yang bersaing dengan calon UMNO Ustaz Affandi Yusof. Justeru dari segi latar belakang agama, kedua-dua nampaknya adalah ciri-ciri yang disukai oleh pengundi di kawasan itu. Malah kelebihan mungkin pada Affandi kerana orang Kelantan sering dituduh sebagai mereka yang konservatif dalam beragama. Oleh itu pemimpin seharusnya dilantik dari golongan lelaki berbanding wanita. Namun dalam PRU itu, keputusan pilihan raya telah membuktikan bahawa pemahaman itu tidak benar. Bukan sahaja Zailah berjaya memenangi dalam pilihan raya itu, tetapi dengan majoriti yang jauh lebih besar (majoriti 4486 undi) berbanding calon lelaki yang PAS wakikan pada PRU 2004 (majoriti tipis hanya 732 undi).¹⁴¹ Dalam PRU 2013, sekali lagi calon wanita Zailah bertembung dengan calon lelaki dari UMNO Hj Ghazali Ismail. Namun Zailah mencapai kemenangan yang lebih besar, mungkin kerana kekurangan latar belakang agama calon BN, dengan majoriti undi sebanyak 6362.¹⁵

PAS juga pernah meletakkan calon luar sebagai calon mereka di kubu kuat mereka dalam pilihan raya di Kelantan. Mat Sabu umpamanya, pemimpin kelahiran Pulau Pinang pernah dicalonkan untuk bertanding di Parlimen Kubang Kerian pada PRU 1995. Meskipun dipalit dengan beberapa isu personal ke atasnya oleh pihak media, beliau berjaya menang di dalam PRU itu. Pada PRU 2004 dan PRU 2008 pula, PAS mencalonkan Salahuddin

Ayub kawasan parlimen itu. Meskipun beliau merupakan orang luar dari Johor, beliau menang di kedua-dua PRU itu dengan majoriti yang cukup tinggi.

Dalam kes di Parlimen Tumpat pada PRU 2008 pula, UMNO mencalonkan seorang pemimpin berlatarbelakang pendidikan agama yang tinggi, iaitu Dr Asyraf Wadji Dusuki. PAS pula pada kali ini mencalonkan golongan profesional iaitu Dato' Kamaruddin Jaafar. Latar belakang agama Dr Asyraf, yang sering menarik minat pengundi PAS, gagal mempengaruhi perilaku pengundi di kawasan itu apabila Dato Kamaruddin diberikan kemenangan yang besar majoriti 9377 undi. Parlimen Tumpat juga melakarkan sejarah pilihan raya yang menarik. Ia dikuasai BN dari tahun 1970an sehingga PRU 1986. Sejak PAS merampas kembali kawasan itu, BN sehingga PRU 2013 masih gagal mendapat tempat, meskipun dengan meletakkan calon yang popular. Kemenangan PAS di Tumpat sejak PRU 1990 juga adalah sesuatu mengkagumkan kerana penduduk di kawasan itu banyak menerima kesan pembangunan dari BN sebelum PRU itu hasil dari peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan persekutuan.

Di DUN Kota Lama pada PRU 2013, calon PAS berketurunan Cina (mualaf) Dato' Anuar Tan Abdullah berjaya mengalahkan calon Melayu (BEBAS) dan calon Cina dari MCA/BN. Menariknya kemenangan itu dicapai di kawasan di mana Cina merupakan minoriti yang besar dengan 33.9 peratus dari keseluruhan pengundi di kawasan itu. Dalam pilihan raya itu Anuar Tan meraih 6618 undi majoriti.¹⁶

Dalam kes calon berpendidikan agama, UMNO pernah meletakkan calon berpendidikan agama di DUN sebagaimana di Parlimen Tumpat. Ini bagi menyaingi imej dan politik Islam PAS. Di DUN Pasir Tumbuh pada PRU 2013 umpamanya, UMNO meletakkan pendakwah bebas yang terkenal iaitu Ustaz Mohd Syamsul Mohd Yusoff. Beliau merupakan lulusan universiti dari Timur Tengah. PAS pula mencalonkan Ustaz Abdul Rahman Yunus yang berkelulusan daripada India. Meskipun Mohd Syamsul dan UMNO berusaha keras dalam memberi persaingan, calon PAS berjaya mencatatkan kemenangan yang mantap dalam pilihan raya itu dengan 4,501 undi.

Pada PRU 2004, UMNO dan BN mencatatkan kemenangan yang besar dalam sejarah pilihan rayanya sejak 1969. Ghazali Mahyuddin menekankan faktor pertukaran pucuk pimpinan BN yang baru, iaitu Abdullah Ahmad Badawi, di peringkat persekutuan dalam hal ini.¹⁷ Dalam masa yang sama, keputusan itu dimungkin oleh persempadan semula yang dilakukan oleh SPR. Wujud kecenderungan yang agak tinggi untuk BN menambah majoriti dan jumlah kawasan, setiap kali SPR mengubah sempadan kawasan pilihan raya termasuk perubahan komposisi dan saiz pengundinya.¹⁸ Dalam hal di Kelantan pada PRU 2004, yang diadakan tidak lama selepas proses persempadanan semula pada tahun 2003, PAS hanya dapat mempertahankan kerajaannya dengan satu undi majoriti di DUN sahaja. Lebih dari separuh dari majoriti itu, hadir dari kawasan kubu kuat PAS.

Untuk itu, jelas sekali kawasan-kawasan ini adalah kubu kuat PAS dari tahun 1990 ke 2013. Tidak kira bagaimana ciri dan kualiti calon PAS di kawasan-kawasan ini, pengundinya cenderung menyokong untuk PAS berbanding di kawasan-kawasan lain di Kelantan. Sebagaimana yang dibincangkan di atas, terdapat beberapa kekurangan dari segi calon yang diketengahkan oleh PAS dan BN pula mencalonkan wakil yang nampaknya lebih berkelayakan dalam beberapa kawasan pilihan raya dan dalam PRU yang tertentu, tetapi ia tidak mempengaruhi perilaku pengundi di kawasan-kawasan itu secara signifikan. Tidak kira juga apakah isu nasional dan lokal yang melanda masyarakat di kawasan-kawasan ini, majoriti pengundinya terus mengundi PAS. Ini termasuk apabila berlaku perubahan sempadan pilihan raya, *gerrymandering* atau *electioneering*,¹⁹ populariti PAS terlalu ampuh untuk ditewaskan di kawasan-kawasan ini. Identifikasi parti pengundi dengan parti PAS menyukarkan pihak UMNO/BN untuk mengalahkan calon PAS meskipun di saat UMNO dilihat mempunyai kelebihan dari segi calon. Namun, sebagaimana yang telah ditekankan, tidak kira bagaimana kurang pun 'kualiti' calon PAS di kawasan-kawasan itu berbanding dengan calon-calon BN, pengundi secara konsisten mengundi PAS. Malah dalam beberapa kes seperti Salahuddin Ayub di Kubang Kerian dan Zailah di Rantau Panjang, mereka berjaya mendapatkan undi yang besar. Parlimen Tumpat pula, sejak dirampas PAS pada PRU 1990, tidak pernah tewas kepada BN sehingga kini (PRU 2013), meskipun sebelum PRU 1990 parlimen Tumpat adalah kubu kuat BN.

Kawasan Cenderung Kepada Barisan Nasional

Pilihan Raya Umum ke-8 (PRU 1990) yang diadakan pada 21 Oktober 1990 telah mencatatkan sejarah baru dalam politik Kelantan. Dalam PRU itu UMNO/BN buat pertama kalinya ditentang oleh bekas rakan sekutu PAS dan ahli-ahli UMNO/BN sendiri sejak PRU 1974. Menjelang PRU 1990, PAS telah yang keluar dari gabungan BN. Akibat dari pepecahan dalaman UMNO sejak pemilihan kepimpinan parti pada 1986 juga, Tengku Razaleigh Hamzah, seteru kepada Presiden UMNO (Mahathir Mohamad), telah menubuhkan parti baru iaitu Semangat 46. Parti itu disambut baik oleh beberapa bekas pemimpin UMNO dan menarik ramai penyokong UMNO di Kelantan. Bersama-sama dengan BERJASA dan HAMIM, Parti Semangat 46 dan PAS membentuk Angkatan Perpaduan Ummah (APU) dalam menandingi UMNO/BN di Kelantan dan di peringkat persekutuan.²⁰

Keputusan PRU 1990 kemudiannya mengejutkan semua pihak apabila kerajaan negeri Kelantan yang diketuai oleh Tan Sri Mohamed Yaacob tumbang kepada APU. Keputusan ini telah menukarkan tampuk pemerintahan negeri Kelantan yang mana telah dikuasai oleh BN. Di kawasan parlimen Kelantan, PAS dan Semangat 46 menyapu bersih iaitu masing-masing enam

dan tujuh kerusi parlimen. UMNO/BN untuk itu, gagal mempertahankan sebarang kerusi parlimennya.

Namun sejak PRU 1995, BN berjaya bertapak kembali di kawasan parlimen dan DUN negeri Kelantan, meskipun tidaklah sekonsisten seperti prestasi BN dari PRU 1974 ke PRU 1986 dan prestasi PAS di kawasan kubu kuatnya dari PRU 1990 ke PRU 2013. Dalam PRU 1995 UMNO/BN berjaya mendapat dua kerusi parlimen iaitu parlimen Peringat dan Jeli. Seterunya, dalam PRU 1999, UMNO/BN sekali lagi menghadapi cabaran yang getir, sekali lagi akibat dari pepecahan dalaman dalam UMNO dan krisis ekonomi Asia. Mahathir pada kali, mencipta satu permusuhan baru di dalam parti UMNO dengan memecat Anwar yang mengakibatkan sebahagian pemimpin dan pengikut UMNO meninggalkan parti itu dan menubuhkan Parti Keadilan Nasional (Keadilan). Akibatnya dalam PRU itu UMNO hanya dapat memenangi satu kawasan Parlimen sahaja iaitu parlimen Gua Musang yang diwakili oleh Tengku Razaleigh Hamzah – yang telah berpatah balik ke UMNO selepas kegagalan parti Semangat 46.

Dalam PRU 2004 pula, sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, UMNO dan BN mencatatkan kemenangan yang besar akibat faktor pertukaran pucuk pimpinan BN yang baru dari Mahathir ke Abdullah di peringkat persekutuan dalam hal ini selain daripada kesan dari persempadanan semula kawasan pilihan raya di seluruh negara termasuk Kelantan pada 2003. UMNO/BN Kelantan menang di 9 kerusi iaitu bagi Parlimen Gua Musang, Kuala Krai, Machang, Bachok, Kota Bharu, Tanah Merah, Jeli, Pasir Putih, dan Ketereh dengan majoriti antara 1,500 dan 7,000. Pemimpin utama UMNO Kelantan, Mustapa Mohamed menang di Parlimen Jeli dan Tengku Razaleigh mengekalkan kedudukan di Gua Musang.

Pada PRU 2008 hanya dua kerusi Parlimen sahaja dimenangi oleh UMNO/BN Kelantan iaitu Parlimen Jeli dan Gua Musang. Hal ini adalah signifikan kerana wujud gelombang penolakan yang besar terhadap pemerintahan BN. Ia dirujuk umum sebagai tsunami politik.²¹ Dalam PRU itu, penguasaan konsisten dua pertiga BN di peringkat persekutuan buat pertama kalinya dinafikan sejak PRU 1969. Namun begitu, kemenangan Mustafa Mohamed dan Tengku Razaleigh di Parlimen Jeli dan Gua Musang, memperlihatkan faktor pemimpin adalah cukup penting di kawasan itu di saat penolakan besar terhadap BN.

Pada Pilihan Raya Umum 2013, berlaku sedikit penambahan bilangan kerusi parlimen yang dimenangi oleh UMNO/BN iaitu sebanyak lima kerusi parlimen yang hampir sama dimenangi oleh BN sewaktu PRU 2004 iaitu Jeli, Gua Musang, Machang, Ketereh dan Tanah Merah.

Agak jelas faktor pemimpin dan kepimpinan adalah faktor utama di kawasan-kawasan ini khususnya di Gua Musang yang dipimpin oleh Tengku Razaleigh sejak 1969 dan Mustafa Mohamed selama beberapa penggal di Jeli. Identifikasi pengundi Gua Musang dengan pemimpin mereka, Tengku Razaleigh

adalah cukup tinggi. Bukan sahaja beliau tidak pernah tewas di kawasan itu sejak PRU 1969, malah pengundi parlimen itu berterusan mengundi beliau pada PRU 1990 dan PRU 1990 dengan majoriti besar meskipun beliau tidak bersama UMNO pada ketika itu.²² Personaliti dan ketokohan Tengku Razaleigh menarik minat ramai untuk menyokongnya. Seorang anak raja yang berjiwa rakyat, pintar dan berpengalaman yang banyak di dalam pentadbiran kerajaan dan sector korporat, tetapi kekal bersederhana, menyebabkan beliau bukan sahaja sangat disenangi oleh rakyat setempat, tetapi rakan dan seteru politik beliau. Malah keampuhan PAS di Kelantan tidak pernah dapat menewaskan Tengku Razaleigh di Gua Musang. Melihat pada penguasaan beliau yang cukup lama di sana, PAS pada 2004 dan 2008 meletakkan calon muda dan berlayakan tinggi (Dr Dzulkefli Mohamed) dalam menyaingi Tengku Razaleigh,²³ namun ia tidak memberi kesan besar dalam perilaku pengundi di kawasan itu.

Begitu juga dengan kes Mustafa Mohamed di parlimen Jeli. Beliau telah bertanding di kawasan itu sebanyak lima penggal dan hanya tewas pada PRU 1999 dengan majoriti yang sangat rendah (kurang 700 undi). Justeru meskipun tewas pada 1999, beliau masih kekal popular. Ini dibuktikan dengan kemenangan beliau di dalam PRU 2004, 2008 dan 2015 dengan purata lebih 5000 undi.²⁴² Beliau juga calon yang bijaksana dan bersederhana dalam pendekatan politik. Sering diberikan jawatan penting di dalam kabinet, tidak banyak isu personal dan sering melayani musuh dengan cara yang professional. Justeru tidaklah menghairankan apabila beliau mempunyai lebih 100,000 pengikut di laman sosial beliau. Sejak menerajui UMNO Kelantan pada tahun 2000 juga, beliau telah membawa masuk pelbagai projek besar di Kelantan termasuk penubuhan Universiti Malaysia Kelantan.

Untuk itu parlimen Gua Musang dan Jeli boleh dikatakan kubu kuat BN di Kelantan. Pemilihan calon yang disukai oleh penduduk tempat adalah penting di kawasan-kawasan ini. Namun terdapat kecenderungan dalam beberapa parlimen yang lain untuk dimenangi BN sekiranya calon yang bersesuaian diletakkan di samping kewujudan faktor yang memberi khususnya di Machang, Ketereh dan Tanah Merah.

Di peringkat DUN pula, nampaknya terdapat tujuh DUN yang berkecenderungan menyokong UMNO/BN dalam tempoh yang sama. DUN itu adalah Paloh, Galas, Nenggiri, Kok Lanas, Pengkalan Kubur, Bukit Bunga dan Kuala Balah. Sebagaimana yang berlaku di seluruh kawasan parlimen di Kelantan pada PRU 1990, semua kerusi DUN di Kelantan dalam PRU itu dimenangi oleh PAS, Semangat 46 dan HAMIN. UMNO/BN gagal memenangi sebarang kerusi. Namun sejak PRU 1995 dan PRU 1999 beberapa DUN berjaya dikawal kembali oleh UMNO/BN.

DUN Paloh yang berada di dalam parlimen Gua Musang menang dalam empat pilihan raya berturut-turut iaitu dari tahun 1999 sehingga tahun 2013. Faktor utama kemenangan DUN ini pada tahun 1999 adalah kerana kembalinya Tengku Razaleigh Hamzah ke dalam UMNO/BN selepas

pembubaran parti S46. UMNO/BN meletakkan Nozula Mat Diah sebagai calon menentang calon dari PKR iaitu Nik Abdul Aziz Nik Hasan dan UMNO/BN menang dengan majoriti 1634 undi. Pada PRU 2004, sekali lagi UMNO/BN mengekalkan calon asal untuk bertanding dalam pilihan raya dan kemenangan masih lagi memihak pada UMNO/BN. Keadaan ini berterusan memihak kepada UMNO BN pada PRU 2008 dan PRU 2013.

Dua lagi DUN yang mempamerkan kekuatan UMNO/BN di Kelantan ialah kerusi DUN Galas dan Nenggiri. DUN Galas turut melakarkan empat kali kemenangan berturut-turut sepertimana di DUN Paloh. Manakala DUN Nenggiri yang merupakan DUN baru selepas persempadanan semula pilihan raya pada tahun 2003 juga tidak pernah mengecewakan UMNO/BN. Sebenarnya dalam PRU 2008 UMNO/BN mengalami kekalahan di DUN Galas apabila calon UMNO/BN Saufi Deraman kalah pada calon PAS Che Hashim dengan majoriti tipis 646 undi. Namun berlaku pilihan raya kecil pada 2010 apabila penyandanginya meninggal dunia dan ini membolehkan UMNO/BN berjaya merampas kembali DUN tersebut dengan majoriti 1,190 undi.

Berdasarkan kepada kemenangan di DUN Paloh dan Galas ini, kami melihat faktor pemimpin telah memainkan peranan penting dalam menentukan kemenangan parti UMNO/BN di kedua-dua DUN ini. Sebagai contoh Nozula calon UMNO/BN di Dun Paloh, dilihat amat rapat dengan rakyat dan segenap lapisan masyarakat. Beliau jarang meletakkan sebarang protokol untuk berjumpa dengan beliau dan telah digelar pemimpin kampung oleh masyarakat di DUN beliau. Dalam pada itu, beliau dilihat sanggup bersusah payah membantu rakyat dalam apa jua situasi dan ini boleh dibuktikan pada tahun 2014 apabila fenomena banjir besar melanda Kelantan, Nozula sanggup mengharungi banjir untuk memberi bantuan kepada rakyat sehingga menjadi viral dalam media sosial dan media massa. Selain itu, bagi DUN Galas pemimpin yang dilihat dekat dengan anak muda dan masyarakat setempat dan komuniti Orang Asli telah dipilih sebagai wakil rakyat di kawasan itu. Perkara ini dapat dibuktikan dengan melihat pendekatan yang dilakukan oleh Aziz Yusof apabila beliau sering bersama-sama dengan anak-anak muda, masyarakat kampung dan Orang Asli dalam program yang dianjurkan oleh beliau.

Manakala DUN Nenggiri, calon yang diletakkan UMNO/BN Kelantan merupakan muka baru iaitu daripada Ketua Pemuda UMNO/BN Gua Musang Mat Yusoff Abd Ghani. Beliau telah menang selama 3 penggal berturut turut dengan majoriti yang besar. Pada PRU 11 Mat Yusoff menang dengan majoriti 2685 undi yang mengalahkan calon dari PKR.²⁵ Begitu juga pada PRU 2008 apabila beliau menang dengan majoriti 2090 undi manakala PRU 2013 Mat Yusoff menang majoriti 3481 menewaskan calon PKR iaitu Md Azihan dan juga calon bebas Abdul Aziz Mohamad.²⁶ Beliau antara calon yang dilihat mempunyai kebolehan untuk menjadi pemimpin yang karismatik. Namun ada pendapat mengatakan bahawa kemenangan beliau adalah kerana dicabar oleh calon PKR tetapi sebaliknya mungkin berlaku jika pencabar

beliau adalah dari calon PAS. Antara faktor kemenangan Mat Yusoff di DUN Nenggiri ini selama 3 penggal berturut-turut disebabkan oleh keperibadian beliau yang dilabelkan oleh orang kampung bahawa beliau adalah wakil rakyat kampung yang disenangi oleh penduduk setempat. Misalnya apabila beliau turun ke kampung-kampung beliau hanya menaiki kereta Proton Wira sahaja dan hanya berkain pelikat dan berbaju Melayu. Gaya beliau ini amat disenangi oleh penduduk kampung dan seringkali beliau membahaskan diri beliau “ambo” dan hal ini membuatkan rakyat berasa amat dekat sekali dengan wakil rakyat.²⁷ Gaya penampilan Mat Yusoff berbeza dengan wakil rakyat UMNO/BN di tempat lain yang kebiasaannya lebih menonjol dari segi penampilan mahupun gaya hidup. Hal ini adalah kerana ada sesetengah wakil rakyat di kawasan lain lebih kepada ingin menunjuk-nunjuk kekayaan mahupun ketrampilan. Situasi ini bertentangan dengan keinginan pengundi di negeri Kelantan yang lebih menyukai pemimpin yang bersifat sederhana dan mungkin juga ‘kekampungan’.

Dua DUN yang berada dalam Parlimen Jeli iaitu DUN Bukit Bunga dan Kuala Balah juga merupakan antara DUN yang cenderung menyokong UMNO/BN. Kedua-dua DUN ini tidak pernah kalah dalam tiga Pilihan Raya Umum sebelum ini, iaitu PRU 2004, 2008, dan 2013. DUN Bukit Bunga yang menampilkan calon Mohd Adhan Kechik memberikan kemenangan bagi UMNO/BN. Pada Pilihan Raya Umum 2004, beliau memperolehi majoriti 2866 undi menewaskan Haji Sufly dari parti PAS. Walaubagaimanapun, majoriti kemenangan UMNO/BN dalam Pilihan Raya Umum 2008 menurun dengan banyak apabila Mohd Adhan Kechik hanya memenangi pilihan raya tersebut dengan majoriti 348 undi sahaja dengan menewaskan calon yang sama juga dari parti PAS. Namun dalam PRU2013, majoriti yang diperolehi oleh Mohd Adhan meningkat naik iaitu sebanyak 1533 undi sekaligus meniadakan calon dari PAS.²⁸ Kemenangan Mohd Adhan ini adalah disebabkan oleh faktor peribadi beliau yang sering tidak berprotokol bersama dengan rakyat dan seringkali turun ke kampung-kampung untuk bertanyakan permasalahan yang berlaku. Beliau juga seringkali menganjurkan program yang melibatkan masyarakat setempat agar hubungan antara beliau dan masyarakat semakin erat.²⁹ Begitu juga dengan DUN Kuala Balah yang turut dimenangi oleh UMNO/BN dalam tiga pilihan raya berturut-turut iaitu pada PRU 2004, 2008 dan 2013. Kemenangan calon dari UMNO/BN adalah disebabkan oleh faktor peribadi dan kepimpinan calon yang juga merupakan anak tempatan dari daerah tersebut iaitu Aziz Derashid. Beliau yang merupakan seorang peguam dilihat amat rapat dengan penduduk kampung sehinggakan beliau membahaskan diri beliau sebagai “abe jik” sahaja. Ketokohan Aziz Derashid yang sangat cakna akan keperluan dan kemudahan rakyat turut memberi kelebihan kepada beliau untuk terus memperolehi kemenangan dalam pilihan raya.

DUN Pengkalan Kubur merupakan salah satu DUN yang berada dalam Parlimen Tumpat. DUN ini juga telah menjadi salah satu DUN yang

mempunyai sokongan yang kuat kepada UMNO/BN Kelantan. Pada tahun 1995, DUN ini telah dimenangi oleh UMNO/BN dalam pilihan raya tersebut apabila mendapat majoriti yang tinggi iaitu sebanyak 1298 undi. Pada ketika itu, calon dari UMNO/BN telah menewaskan calon dari HAMIM. Pada Pilihan Raya Umum 2004, calon dari UMNO/BN iaitu Dato' Norzahidi Omar telah memenangi kerusi tersebut dengan majoriti 714 undi dengan menewaskan calon dari PAS. Dato' Norzahidi Omar sekali lagi bertanding dalam Pilihan Raya Umum 2008 mewakili UMNO/BN dan kemenangan telah berpihak kepada beliau namun majoriti yang dimenangi oleh beliau adalah sangat tipis jika dibandingkan dengan pilihan raya sebelum ini apabila beliau hanya memperolehi majoriti 100 undi sahaja.³⁰ Sekali lagi beliau dicalonkan oleh UMNO/BN Kelantan dalam PRU 2013 dan dalam pilihan raya ini, beliau mencapai kemenangan dengan majoriti 1671 dengan menewaskan Izat Bukhari dari calon Bebas dan juga Pof Madya Saharun dari parti PKR.³¹ Kemenangan beliau ini telah menjadikan DUN Pengkalan Kubur ini sebagai DUN yang mendapat sokongan penuh dari pengundi terhadap UMNO/BN di Kelantan. Kemenangan Norzahidi ini banyak disebabkan oleh faktor kepimpinan beliau di kawasan itu. Beberapa pendekatan yang beliau gunakan seperti melancarkan program khas pertanian untuk rakyat seperti program pemeliharaan itik telur untuk rakyat miskin. Beliau juga amat rapat dengan anak muda dan mahasiswa. Beliau juga sentiasa memberi perhatian kepada kaum lain di kawasan beliau iaitu kaum Siam dan seringkali mengikuti perkembangan dan menganjurkan program kemasyarakatan bersama masyarakat Siam dalam DUN itu.

Terdapat satu lagi DUN yang menjadi kubu kuat bagi UMNO/BN di Kelantan iaitu DUN Kok Lanas dalam Parlimen Ketereh. DUN ini telah dimenangi oleh UMNO/BN dalam tiga pilihan raya berturut-turut iaitu dalam PRU 2004, 2008 dan 2013. Namun dalam tiga pilihan raya ini calon yang bertanding telah bertukar ganti walaupun UMNO/BN masih lagi mampu mencipta kemenangan. Dalam Pilihan Raya Umum, UMNO/BN telah meletakkan Tan Sri Annuar Musa yang ditentang oleh Hj Shaari dari parti PAS. UMNO/BN mendapat majoriti yang tinggi iaitu sebanyak 2846 undi. Namun pada PRU2008, calon UMNO DUN Ketereh bertukar tangan apabila Annuar Musa bertanding di kerusi parlimen Ketereh manakala penyandang kerusi tersebut sebelum ini iaitu Datuk Alwi Che Mat bertanding di DUN Kok Lanas. Kemenangan masih lagi berpihak kepada UMNO/BN Kelantan apabila dalam pilihan raya tersebut Alwi Che Mat berjaya menewaskan calon dari PAS iaitu Dato' Ali dengan majoriti 568 undi. Terdapat kemorosotan undi yang ketara dalam pilihan raya ini. Pada Pilihan Raya Umum 2013, sekali lagi Mohd Alwi Che Ahmad diberikan kepercayaan oleh UMNO/BN Kelantan untuk bertanding di DUN tersebut dan beliau berjaya mengekalkan kemenangan dengan majoriti 169 undi. Walaupun UMNO/BN menang di kerusi ini namun majoriti tipis yang diperolehi oleh calon dari UMNO/BN ini memberi sedikit kerisauan kepada UMNO/BN Kelantan. Faktor kepimpinan mempengaruhi kemenangan

di DUN Kok Lanas ini. Annuar Musa dan Alwi Che Mat dilihat sangat cakna terhadap rakyat dalam kawasan. Kepetahan Annuar Musa yang bijak berpidato memengaruhi pengundi untuk memilih beliau. Dalam pada itu, Alwi Che Mat yang dilihat mempunyai ilmu agama yang tinggi selain merupakan anak Tok Guru Che Mat memberi kelebihan kepada beliau dalam mempengaruhi pengundi. Beliau selalu dilihat menjadi imam dalam menunaikan solat di masjid dan mengetahui tahlil bersama penduduk.

Ringkas di kawasan-kawasan mengundi yang cenderung kepada UMNO/BN di Kelantan faktor pemimpin dan kepimpinan adalah angkuh utama khususnya di Gua Musang dan Jeli. Di parlimen Ketereh, Machang dan Tanah Merah, meskipun UMNO/BN memenangi di kawasan itu pada PRU 2004 dan PRU 2013, namun faktor calon dan isu adalah seimbang. Dalam erti kata lain, di kawasan-kawasan itu kedua-dua faktor calon dan isu adalah penting. Hal ini boleh dilihat, sebagaimana perbincangan di atas, di DUN Kok Lanas dalam PRU 2008 di mana undi calon BN Mohd Alwi menang dengan undi yang tipis disebabkan oleh pertukaran calon (sebelum itu adalah Annuar Musa) dan isu semasa yang berlaku menjelang PRU itu. Di sebalik pengaruh besar Annuar Musa di Kelantan, dengan kemenangan di beberapa kawasan DUN dan parlimen, namun beliau pernah juga tewas iaitu pada PRU 1990 dan PRU 1999. Dalam kedua-dua PRU itu, pengaruh peribadi beliau dicabar kuat oleh isu nasional dan pepecahan dalaman UMNO (Mahathir vs. Tengku Razaleigh dan kemudian Mahathir vs. Anwar Ibrahim) menyebabkan beliau gagal mempertahankan kedudukan dalam PRU itu. Namun dalam PRU 1999, PRU 2004 dan selepas itu, beliau kembali berjaya mendapat tempat sebagai wakil rakyat, khususnya berdasarkan ketokohan peribadi (pengaruh) beliau.

Kawasan Pilihanraya Yang Bertukar-Tukar Parti

Sub-topik ini meninjau kawasan pilihan raya yang sering berubah-ubah kemenangan partinya (dari PRU 1990 ke PRU 2013). Terdapat lebih kurang sembilan buah DUN yang cenderung untuk bertukar tangan antara PAS dan UMNO/BN. Antara DUN yang dikenalpasti pernah dimenangi oleh UMNO/BN ialah DUN Gual Periok, Bukit Tuku, Tendong, Pengkalan Pasir, Wakaf Bharu, Jelawat, Melor, Mengkebang, dan Guchil.

Sesuatu yang menarik di sinia adalah, kesemua DUN ini ini pada asasnya adalah termasuk di dalam kawasan PAS. Dari PRU 1990 ke PRU 2013, PAS sebenarnya memenangi kesemua kawasan ini kecuali dalam PRU 2004, apabila kesemua kawasan itu jatuh ke tangan UMNO/BN. Meskipun nampak seperti wujud amalan identifikasi parti pada kawasan ini, sebenarnya para pengundinya mengundi berdasarkan isu. Isu pertukaran pucuk pimpinan dan gaya kepimpinan yang bersih dan *gentleman* Abdullah telah mempengaruhi keputusan pilihan raya BN pada PRU 2004. Keupayaan BN dalam menangani krisis ekonomi pada 1998 dan 1999 juga turut memberi impak kepada

keputusan PRU itu. Di Kelantan, faktor Abdullah dan perkembangan ekonomi yang baik telah menyebabkan kerajaan PAS dibentuk dengan hanya satu undi majoriti prestasi terburuk PAS sejak PRU 1955. Bila diuji dengan faktor calon pula, faktor isu masih memperlihatkan kelebihan. Dalam PRU 2008, BN mengekal hampir kesemua calon mereka sebagaimana dalam PRU 2004, dengan kepercayaan bahawa mereka boleh mempertahankan kemenangan.³² Namun kesemua calon BN itu telah gagal terpilih semula sebagai wakil rakyat di kawasan-kawasan itu. Ini berikutan dari persepsi umum terhadap kepimpinan Abdullah yang dianggap lemah selain kenaikan kos sara hidup yang mendadak. Hal ini mengundang ketidakpuashatian umum, termasuk pengundi-pengundi di kawasan itu. Pada PRU 13 pula, BN sekali lagi gagal merampas kembali di kawasan-kawasan itu disebabkan isu yang hampir sama di samping terpaksa berdepan dengan pembangkang yang lebih kuat – Pakatan Rakyat – yang telah ditubuhkan selepas PRU 2008.

Dalam kawasan parlimen pula, terdapat tiga kawasan parlimen sering berubah-ubah keputusan pilihan rayanya. Kawasan ini juga bertindan dengan kawasan yang cenderung kepada BN iaitu kawasan parlimen Ketereh, Machang dan Tanah Merah. Ketiga-tiga Parlimen ini dimenangi oleh UMNO/BN dalam Pilihan Raya Umum 2004 dan 2013 tetapi mengalami kekalahan dalam PRU 1990, 1995, 1994 dan 2008. Apakah yang boleh memerihalkan keadaan ini? Mengapa pengundi di kawasan-kawasan ini memilih PAS pada PRU 1999, kemudian UMNO/BN pada PRU 2004, kembali pada PAS pada PRU 2008, dan selepas itu mengundi UMNO/BN semula pada PRU 2013? Hal ini memperlihatkan karektor pengundi di kawasan-kawasan ini yang mengundi berdasarkan isu - baik isu setempat ataupun isu nasional. Oleh kerana isunya berubah dan memberi impak yang besar terhadap pengundi di kawasan itu, maka mereka juga merubah keputusan mereka berdasarkan pertimbangan rasional masing-masing. Isu nasional (dan juga setempat di Kelantan) PRU 2004 memberi kelebihan pada BN pada PRU 2004, tetapi tidak pada PRU 2008. Isu nasional pada 2013 pula membawa kesan yang bercampur-campur di Kelantan di mana UMNO dan BN berjaya menambah beberapa kerusi DUN dan parlimen di negeri itu, tetapi masih kurang popular berbanding PAS dan Pakatan Rakyat.

Tidak dinafikan faktor calon dan parti adalah turut penting di kawasan bercampur-campur ini (PAS vs. UMNO/BN), Tetapi faktor isu yang mempunyai impak nampaknya lebih mempengaruhi. Selain itu faktor persempadanan semula juga turut memberi impak kepada kemenangan UMNO di banyak kawasan di Kelantan dalam PRU 2004.

Rumusan

Untuk itu pilihan raya di Kelantan tidaklah sesuai dilihat secara umum sahaja, atau pun berdasarkan sesuatu daerah pilihan raya. Kaedah itu boleh mengaburi

ramai dengan kerumitan dan sifat politik Kelantan yang kompleks - atau apa yang dianggap mereka sebagai 'unik'. Kerumitan politik dan pilihan raya di Kelantan perlu dirungkai satu persatu secara lebih spesifik dan menyeluruh, berdasarkan pembahagian kecenderungan perilaku pengundi di kawasan-kawasan pilihan raya di Kelantan, sebagaimana yang dicadangkan oleh tulisan ini. Dengan kaedah ini, keunikan politik Kelantan boleh difahami dengan lebih mudah dan saintifik. Usaha ini, walau bagaimanapun, bukanlah satu projek mendalam, tetapi satu usaha yang bersederhana dalam menawarkan pendekatan untuk memahami politik dan pilihan raya Kelantan dengan cara yang lebih khusus dari perspektif sains politik.

Di ketiga-tiga kawasan itu, perilaku pengundi adalah berbeza antara satu kategori (daerah mengundi) ke kategori yang lain. Di kawasan kubu kuat PAS, kebanyakan pengundi mengidentifikasi diri mereka dengan parti itu. Justeru tidak kiralah jika calon mereka mempunyai kekurangan atau kelebihan dan dari latar belakang yang mana, tidak kira juga apakah isu yang melanda negara atau kawasan setempat mereka, pengundi di kawasan itu tetap menyokong calon mereka. Ini kerana bukan calon atau isu yang penting, tetapi penerusan PAS (parti) sebagai wakil mereka, dan lebih penting lagi, sebagai kerajaan mereka di Kelantan.

Di kawasan yang mana BN mempunyai kelebihan pula, pengundi di situ lebih terikat pada calon. Kes terbaik adalah Tengku Razaleigh di parlimen Gua Musang dan Mustafa Mohamed di parlimen Jeli. Namun di sebalik kepentingan calon, kepentingan isu juga turut memberi impak dalam pilihan raya. Hal ini memerihalkan kedudukan turun-naik, sebagai contoh, Annuar Musa di beberapa DUN dan parlimen di Kelantan.

Di kawasan yang bertukar-tukar pengundiannya pula, faktor isu nasional, negeri dan lokal adalah signifikan. Berbanding di kawasan PAS yang lain, UMNO/BN berpeluang untuk menang di kawasan itu jika isu semasa memihak kepada mereka, dan begitu jugalah sebaliknya.

Selain angkubah-angkubah ini, terdapat juga faktor lain yang mempengaruhi pola pengundian di Kelantan termasuk persempadanan pilihan raya sepertimana yang dibuat pada tahun 2003 dan mengimpak keputusan PRU 2004 di Kelantan, kewujudan pakatan pembangkang yang kuat (APU dalam PRU 1990, Barisan Alternatif dalam PRU 1999 dan Pakatan Rakyat dalam PRU 2013), pepecahan dalaman parti (UMNO pada PRU 1990 dan PRU 1999) dan juga faktor ekonomi. UMNO/BN mempunyai peluang yang lebih baik dalam PRU apabila keadaan ekonomi negara adalah memberangsangkan sebagaimana di dalam PRU 1995 dan PRU 2004.³ Apabila keadaan ekonomi tidak berada di tahap yang baik sepertimana PRU 1999 dan PRU 2008, majoriti undi kepada PAS di Kelantan akan bertambah tinggi. Namun, di sebalik perilaku pengundi yang khusus di dalam tiga kategori kawasan pilihan raya di Kelantan, perilaku itu tidaklah eksklusif. Di kawasan BN umpamanya, isu semasa (walaupun calon/pemimpin adalah faktor utama) juga boleh memberi

impak. Bukan sahaja dalam penurunan atau pertambahan undi, tetapi juga boleh menyebabkan tokoh besar BN tewas sebagaimana yang berlaku pada Annuar Musa.

Epilog

Perbincangan dan eksplorasi dalam merungkaikan keunikan pilihan raya dan politik Kelantan ini adalah berdasarkan data keputusan pilihan raya (dan beberapa temubual) dari PRU 1990 ke PRU 2013. Namun lewat ini, selepas PRU 2013, ada perkembangan dan perubahan baru yang mendasar dalam politik Malaysia. PAS dibawah pimpinan Abdul Hadi, selepas pemergian Nik Abdul Aziz Nik Mat, telah mengisytihar keluar dari Pakatan Rakyat (PR) pada 2015. Dalam tahun yang sama berlaku pepecahan dalaman yang teruk di dalam PAS. Akhirnya, akibat dari pepecahan dalaman itu, kumpulan progresif dan profesional di dalam parti itu, mengambil keputusan untuk meninggalkan parti itu dan menubuhkan parti baru yang dikenali sebagai Parti Amanah Negara (PAN). Ratusan ribu ahli PAS, khususnya di kawasan-kawasan bandar, menyertai PAN meskipun yang kekal bersama PAS adalah jauh lebih tinggi.³⁴ Akibat dari pengisytiharan PAS keluar daripada PR itu, pakatan itu runtuh sebelum digantikan dengan pakatan yang baru, melibatkan kemasukan parti PAN, bersama-sama *Democratic Action Party* (DAP) dan Parti Keadilan Rakyat (PKR). Pakatan baru itu diberi nama Pakatan Harapan (PH). PAS sejak itu bergerak sendiri meskipun mempunyai hubungan yang baik dengan BN dan Parti Ikatan Bangsa Malaysia (Ikatan).

Pepecahan PR menandakan satu fasa baru dalam sistem parti di Malaysia. Jika sejak PRU 1955 ke PRU 2004 Malaysia mempraktikkan sistem satu parti dominan, dan dari PRU 2008 ke PRU 2013 mengamalkan sistem dua parti gabungan, sejak 2015 dengan keluarnya PAS dari pakatan oposisi, Malaysia mula mengamalkan sistem pelbagai parti. Pada Jun 2016, terdapat dua pilihan raya kecil iaitu di Sungai Besar dan di Kuala Kangsar. Persaingan adalah perlawanan tiga penjurong antara UMNO, PAS dan AMANAH (wakil PH). UMNO menang besar di dalam kedua-dua pilihan raya kecil itu. Kemenangan UMNO tidak disebabkan oleh UMNO kembali popular, kerana undinya merosot di kedua-dua kerusi itu. Sebaliknya, kemenangan itu disebabkan undi pembangkang yang terbahagi dua, di antara PAS dan AMANAH. Justeru itu jika oposisi bergabung, peluang untuk menang adalah jauh lebih tinggi. Kemenangan besar UMNO/BN dalam PRU itu adalah keputusan yang memberangsang kepada parti itu kerana ia dicapai di saat UMNO/BN diserang dengan pelbagai isu besar di peringkat nasional, di samping pemilihan calon yang menjadi pertikaian di Kuala Kangsar.³⁵

Untuk itu, jika UMNO/BN mempunyai pelbagai kelebihan di dalam sistem satu parti dominan, dan kemudian gugatan di dalam sistem dua parti gabungan, UMNO/BN kembali mendapat kelebihan dalam sistem

pelbagai parti ini. Ramai penganalisis percaya UMNO/BN akan dapat mencatatkan kemenangan yang lebih baik di dalam sistem baru ini.³⁶ Apatah lagi dengan persempadanan semula kawasan pilihan raya pada 2016 yang sering menyebabkan pertambahan sokongan terhadap undi parti pemerintah.³⁷ Namun ada beberapa perkembangan baru dan penting dalam politik Malaysia mutakhir ini. Sejak suku ketiga 2015, UMNO mula dilanda pepecahan dalaman yang mendasar. Beberapa pemimpin utama UMNO iaitu Muhyidin Yassin, Shafie Apdal dan Mukhriz Mahathir telah dipecat dan seterusnya mereka menubuhkan parti baru yang dinamakan sebagai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) yang ditubuhkan khas untuk menyaingi UMNO.³⁸ Disokong dan dipengerusikan oleh bekas perdana menteri Malaysia yang keempat, Mahathir Mohamad, parti itu mempunyai pengaruh yang besar di kalangan Melayu, khususnya yang tinggal di kawasan bandar.³⁹ Bersatu juga bekerjasama baik dengan PH,⁴⁰ di mana masing-masing berkempen untuk satu sama lain. Kerjasama Bersatu dengan PH sekaligus membawa satu imbalan kuasa di dalam persaingan sistem pelbagai parti ini. Pentadbiran negara juga berhadapan dengan beberapa isu fundamental di dalam governans dan juga ekonomi buat masa ini. Justeru itu, persaingan PRU ke-14 di Malaysia amya dan Kelantan khususnya, yang dijangkakan akan diadakan pada 2017 (walaupun penggal PRU 2013 akan tamat pada 2018), akan kekal sengit dan terbuka.⁴¹

Nota Akhir

1. Kessler, Clive, *Islam and Politics in Malay State : Kelantan 1838-1969*, Ithaca, Cornell University Press, 1978, hlm. 1.
2. Amer Saifude Ghazali, *Geografi Politik Dan Pilihanraya Kelantan*, 2015, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
3. Campbell, A. et al. *The Voter Decides*, 1954, London, Row Peterson and Co.
4. Ghazali Mayudin, *Demokrasi, Kepimpinan Dan Keselamatan Dalam Politik Malaysia*, 2012, hlm. 25.
5. Goldberg, A.S., "Social Determinism And Rationality As Bases Of Party, Identification", *American Political Science Review*, 63(01), 1969, hlm. 5-25.
6. Butler, D. and Stoke, D, *Political Change in Britain: Basis of Electoral Choice*, Springer, 1974.
7. Ghazali Mayudin, *Demokrasi, Kepimpinan Dan Keselamatan Dalam Politik Malaysia*, 2012, hlm. 31.
8. Ibid. hlm. 30.
9. Coleman, J.S. dan Fararo, T.J., *Rational Choice Theory*, 1992, Nueva York, Sage.
10. Downs, Anthony. "An economic theory of political action in a

- democracy”, *The Journal Of Political Economy* (1957), hlm. 135-150.
11. Rush, M., dan Althoff, P., *An Introduction To Political Sociology*, 1971.
 12. Weber, M., *On Charisma And Institution Building*, 1968.
 13. House, Robert J., and Jane M. Howell, 1992, “Personality and charismatic leadership”, *The Leadership Quarterly* 3.2, hlm. 81-108.
 14. *Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia*, <http://semak.spr.gov.my/spr/>. [28 September 2016].
 15. *Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia*, <http://semak.spr.gov.my/spr/>. [29 September 2016].
 16. *Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia*, <http://semak.spr.gov.my/spr/>. [15 September 2016].
 17. Ghazali Mayudin et. al. (eds.). 2012, *Demokrasi, Kepimpinan Dan Keselamatan Dalam Politik Malaysia*.
 18. Karpall, Mandeep, 12 November 2014, Siapa Untung Dari Persempadanan Semula?. *Malaysiakini*. <http://www.malaysiakini.com/news/280268>. [15 Oktober 2015].
 19. Lim Hong Hai, “Electoral Politics in Malaysia: ‘Managing’ Elections in a Plural Society”, in Crossant, A. et. al., (eds.), *Electoral Politics in Souteast and East Asia*, Singapore: Friedrich Ebert Stiftung, 2002, hlm.101.
 20. Mohammad Agus Yusof, *Politik Kelantan selepas Pilihan Raya Umum 1990*, Bangi, Penerbit UKM, 1994, hlm. 38.
 21. Muhamad Nadzri Mohamed Noor, *Politik Malaysia di Persimpangan: Praktik Politik dalam PRU 2008 dan Kontemporari*, 2009, Petaling Jaya, SIRD, hlm. 1.
 22. Junaidi Awang Besar et. al. “Kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Galas, Kelantan: Analisis Geografi Pilihan Raya”, *Jurnal E-Bangi*, 2012, hlm. p. 90.
 23. Abdul Rahim Sabri. 21 Oktober 2010, Dr Zulkefli calon PAS di Galas, *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/145968>. [15 September 2016].
 24. Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen/Dewan Undangan Negeri. Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia. http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php. [15 September 2016].
 25. Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen/Dewan Undangan Negeri. Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia. http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php. [15 September 2016].
 26. Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen/Dewan Undangan Negeri. Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia. http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php. [15 September 2016].
 27. Temubual bersama Tuan Azalie Tuan Mat iaitu pengundi di Pusat

- Daerah Mengundi Jeram Tekoh dalam DUN Nenggiri. 15 April 2016.
28. Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen/Dewan Undangan Negeri. Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia. http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php. [15 September 2016].
 29. Temubual pengkaji bersama Raja Ali Raja Mat iaitu pengundi di DUN Bukit Bunga merangkap Pengerusi JKKP Kg Kajang iaitu dalam pusat daerah mengundi DUN Bukit Bunga. 16 April 2016.
 30. Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen/Dewan Undangan Negeri. Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia. http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php. [15 September 2016].
 31. Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen/Dewan Undangan Negeri. Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia. http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php. [15 September 2016].
 32. Temubual pengkaji bersama Puan Norhayati Mamat iaitu mantan Ketua Pergerakan Puteri UMNO Rantau Panjang di kediaman beliau di Lemal Pasir Mas, 6 April 2016.
 33. Ghazali Mayudin et. al. (eds.), *Demokrasi, kepimpinan dan keselamatan dalam politik Malaysia*. 2012.
 34. Zulaikha Zulkifli. 3 Jun 2016. PAS mengaku hilang 200,000 anggota. *Malaysiakini*. <http://www.malaysiakini.com/news/343949>. [10 Oktober 2016].
 35. BN menang besar di Sg. Besar, Kuala Kangsar. *Utusan Online*. 18 Jun 2016. <https://www.utusan.com.my/berita/nasional/bn-menang-besar-di-sg-besar-kuala-kangsar-1.344159>. [10 Oktober 2016].
 36. BN akan menang besar pada PRU14, kata VC Unisel. *Malaysiakini*. 3 Oktober 2016. <http://www.malaysiakini.com/news/357713>. [10 Oktober 2016].
 37. Ahmad Ismadi Ismail. 21 september 2016. Persempadanan semula rugikan Pas. *Sinar Harian*. <http://www.sinarharian.com.my/politik/persempadanan-semula-rugikan-pas-1.564486>. [10 Oktober 2016].
 38. Pendaftaran PPBM diluluskan. *Berita Harian Online*. 8 September 2016. <http://www.bharian.com.my/node/190815>. [10 Oktober 2016].
 39. Ku Li beri amaran jangan pandang rendah BERSATU. *Malaysiakini*. 24 Ogos 2016. <http://www.malaysiakini.com/news/353490>. [10 Oktober 2016].
 40. Power sharing includes Amanah and DAP, says Muhyiddin. *Malaysiakini*. 8 Oktober 2016. <https://www.malaysiakini.com/news/358306#ixzz4PQUWPAemhttp://www.malaysiakini.com/news/358306>. [10 Oktober 2016].
 41. Hisham: PRU14 paling sengit dalam sejarah Umno. *Malaysiakini*. [11 November 2016 <http://www.malaysiakini.com/news/362443>. [12 November 2016].

Rujukan

- Abdul Rahim Sabri. 21 Oktober 2010. Zulkefli calon PAS di Galas. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news//145968>. [15 September 2016].
- Ahmad Ismadi Ismail. 21 September 2016. Persempadanan semula rugikan Pas. *Sinar Harian*. <http://www.sinarharian.com.my/politik/persempadanan-semula-rugikan-pas-1.564486>. [10 Oktober 2016]
- Amer Saifude Ghazali. 2015. *Geografi Politik Dan Pilihanraya Kelantan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Berita Harian Online*. 8 September 2016.
- Butler, D. and Stoke, D.. 1974. *Political Change in Britain: Basis of Electoral Choice*. Springer
- Campbell, A. et al. 1954. *The Voter Decides*. London: Row Peterson and Co.
- Coleman, J.S. dan Fararo, T.J. 1992. *Rational Choice Theory*. Nueva York: Sage.
- Downs, Anthony. "An Economic Theory of Political Action in A Democracy". *The Journal Of Political Economy* (1957): 135-150.
- Ghazali Mayudin et. al. 2012. *Demokrasi, Kepimpinan dan Keselamatan dalam Politik Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Goldberg, A.S. 1969. "Social Determinism And Rationality As Bases Of Party Identification". *American Politican Science Reviewe*, 63(10).
- House, Robert J., and Jane M. Howell. 1992. "Personality and Charismatic Leadership". *The Leadership Quarterly* 3.2.
- Karpall, Mandeep. 12 November 2014. Siapa untung dari persempadanan semula?. *Malaysiakini*.. <http://www.malaysiakini.com/news/280268>. [15 Oktober 2015].
- Junaidi Awang Besar et. al. 2012. "Kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Galas Kelantan: Analisis Geografi Pillihan Raya". *Jurnal E-Bangi*.
- Kessler, Clive. 1978. *Islam and Politics in Malay State : Kelantan 1838-1969*. Ithaca: Cornell University Press.
- Lim Hong Hai. 2002. "Electoral Politics in Malaysia: 'Managing' Elections in a Plural Society", in Crossant , A. Et.al. (eds.). *Electoral Politics in Southeast and East Asia*. Singapore: Friedrich Ebert Stiftung.
- Mohammad Agus Yusof. 1994. *Politik Kelantan Selepas Pilihan Raya Umum 1990*. Bangi: Penerbit UKM.
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. 2009. *Politik Malaysia di Persimpangan: Praktik Politik dalam PRU 2008 dan Kontemporari*. Petaling Jaya: SIRD.
- Malaysiakini*. 24 Ogos 2016. 3 Oktober 2016. 8 Oktober 2016. 11 November 2016.
- Norhayati Mamat. 6 April 2016. Temubual. Pasir Mas.
- Raja Ali Raja Mat. 16 April 2016. Temubual Bukit Bunga.

- Rush, M., dan Althoff, P. 1971. *An Introduction To Political Sociology*. Romsey: Nelson. Press.
- Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. <http://semak.spr.gov.my/spr/>. [28 September 2016].
- Tuan Azalie Tuan Mat. 15 April 2016. Temubual. Nenggiri. *Utusan Online*. 18 Jun 2016.
- Weber, M. 1968. *On charisma and Institution Building*. Chicago: University of Chicago Press.
- Zulaikha Zulkifli. 3 Jun 2016. PAS mengaku hilang 200,000 anggota. *Malaysiakini*. <http://www.malaysiakini.com/news/343949>. [10 Oktober 2016].

Nota Biografi

Muhamad Nadzri Mohamed Noor (nadzri@ukm.edu.my) adalah pensyarah Sains Politik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Minat kajian beliau adalah etnisiti dan nasionalisme, politik Asia Tenggara serta pilihan raya dan pendemokrasian.

Dato' Mohd Faizal Daud adalah Pengerusi Sekretariat Institut Pengajian Tinggi UMNO Negeri Kelantan dan bekas pelajar sarjana sains politik di UKM (2013 – 2016).